

Lokasi risiko tanah runtuh dipetakan

KUALA LUMPUR: Kira-kira 2,966 kilometer persegi kawasan berisiko tanah runtuh dipetakan bagi memperkukuh pengurusan cerun dan perancangan pembangunan lebih selamat dan mampan.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Arthur Joseph Kurup, berkata pemetaan dilaksanakan melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG), termasuk kawasan pertanian aktif di tanah tinggi seperti Cameron Highlands (475 km²) dan Kundasang (370 km²).

Katanya, inisiatif ini merupakan langkah awal kerajaan memperkukuh pengurusan cerun, selain memastikan keselamatan komuniti dan kelestarian alam sekitar.

"Hasil pemetaan dibangunkan sebagai Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC) yang dikongsi dengan agensi perancang dan pelaksana termasuk PlanMalaysia dan Jabatan Pertanian yang berperanan sebagai rujukan strategik untuk langkah pencegahan awal, penyelenggaraan cerun berkala dan penentuan lokasi sistem amaran awal tanah

runtuh oleh agensi berkaitan. Ada dua jenis PBRC iaitu *linear* dan *area-based*," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man (PN-Kubang Kerian) yang ingin tahu sama ada kerajaan akan melaksanakan pemetaan menyeluruh perladangan monokultur mengikut kecerunan seluruh negara bagi menilai risiko banjir lumpur dan tanah runtuh serta melindungi kawasan tadahan kritikal, mengambil iktibar tragedi Sumatera Barat tahun lalu.

Kementerian turut memperkukuh kawalan pembangunan melalui Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi semua aktiviti pertanian dan perladangan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2015.

"JMG dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) memberikan ulasan teknikal di peringkat Pusat Sehati Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara terancang, selamat dan mampan," katanya.